



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Meller Jiki Tais

Suffragan Bisypop: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin

Rektor: Ven. (E) Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Paskah 7 - 17 Mei 2026

Doa Hari Ini

Allah kekal, Raja kemuliaan, Engkau telah meninggikan Anak-mu yang tunggal ke kerajaan-Mu di syurga dengan kemenangan besar. Janganlah tinggalkan kami sebagai yatim piatu, melainkan utuskanlah Roh Kudus-Mu untuk menguatkan kami serta mengangkat kami ke tempat Kristus telah pergi mendahului kami, dan di mana bersama-sama dengan Engkau dan Roh Kudus, Dia disembah dan dimuliakan, sekarang dan selamanya. Amin

Injil - Yohanes 20:19-23

Bacaan Responsif - Kejadian 2:1-7

Yohanes 20:21 - Demikian juga sekarang
AKU MENGUTUS KAMU

“Yesus yang bangkit, utuslah saya kepada seseorang yang memerlukan kasih-Mu.”

Kebaktian BM disiarkan secara langsung, 11:30 pagi.:

- YouTube: <https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams>

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. MENYOKONG PELAYANAN MISI

- Bazaar Misi diadakan hari ini. Pelbagai barangan baharu dan terpakai dijual. Semua hasil jualan akan disalurkan kepada Tabung Kebajikan & Misi.
- Sehingga kini, sebanyak RM6,200 telah dikumpulkan untuk Gereja Anglikan Rangsit. Gereja tersebut sedang mengumpul RM80,000 untuk membeli sebuah van gereja. Teruslah memberi menurut kemampuan dan pimpinan Tuhan.

2. ROMBONGAN EVERGREENS KE PAPAR - 23 Mei, Sabtu

- 7:30 pagi – Bas akan bertolak dari Christ Church menuju ke Papar. Program termasuk persekutuan di Gereja Ascension serta makan tengah hari, sebelum kembali ke Kota Kinabalu.
- 3:00 petang – Dijangka tiba di Christ Church.
- Doakan perjalanan yang selamat serta masa persekutuan yang bermakna.


3. MINGGU PENTAKOSTA & PERAYAAN KESYUKURAN PENUAIAN – 24 Mei, Ahad depan

Ahad Pentakosta Adalah hari memperingati kedatangan Roh Kudus ke atas para murid Yesus, yang menjadi permulaan Gereja mula-mula.

Pada asalnya, Pentakosta juga merupakan perayaan penuaian sebagai ucapan syukur kepada Tuhan atas penyediaan-Nya.

Pada Ahad depan, kita akan bersama-sama mengucap syukur atas karunia Roh Kudus dan juga rezeki harian yang Tuhan sediakan bagi kita. Tuhan sungguh murah hati dan penuh kasih karunia.

- Pagi – Ibadah seperti biasa
- 1:00 petang – “Pesta Penuaian.” Makan tengah hari dengan hidangan tradisional, persembahan nyanyian dan tarian budaya, serta tarian komuniti. Jemaat digalakkan hadir dengan pakaian budaya masing-masing.



4. KELAS-KELAS PEMBAPTISAN DAN PENETAPAN

Kelas-kelas telah bermula mengikut ketetapan berikut:

- Bahasa Cina:
 - Sab & Ahd, 10:00 pg, di ARK
 - Rabu, 7:30 mlm
- Bahasa Inggeris, pejabat gereja:

- Sel, 7:30 mlm
- Jum, 7:30 mlm
- Sab, 9:30 pg
- Bahasa Melayu, pejabat gereja:
 - Ahd, 9:30 pg
 - Sab, 3:30 ptg
 - Sab, 7:00 mlm

Kelas-kelas ini membantu para calon untuk memahami iman Kristian dan menghidupi kehidupan sebagai seorang Kristian.

5. KONFERENSI gen-BREAK

- **CHI & ENG - 30 Mei-2 Jun; di Katedral All Saints.** Kira-kira 60 orang daripada gereja kita telah mendaftar untuk konferensi ini yang terdiri daripada muda-mudi, belia, dan dewasa. Pelbagai topik yang berkaitan dengan pertumbuhan pemuridan ditawarkan. Sila mendaftar. Untuk maklumat lanjut, layari: '<https://genbreak.life/>.
- **BM - 1-3 Jun; di Gereja St. Margaret Keningau.** Lebih 700 anak muda telah mendaftar, termasuk kira-kira 90 orang dari gereja kita. Marilah kita berdoa agar karya Roh Kudus yang besar berlaku dalam kehidupan mereka.



6. PELAYANAN PUSAT JAGAAN HARIAN ARK

Is–Jum; 8:00 pg–5:00 ptg. Menyediakan 3 waktu makan, aktiviti individu dan berkumpul, nyanyian, fisioterapi, serta mandian. Dikendalikan oleh staf yang terlatih dan berdedikasi. Untuk maklumat lanjut, hubungi: 016-818 9013.

7. PELAYANAN LAINNYA

- 28 Mei - **Perjamuan Kudus Rumah.** Sila hubungi pejabat gereja.
- 14 Jun – Christ Church Likas akan merayakan **ulang tahun ke-57.** Bishop Datuk Melter Tais akan beribadah bersama kita. Perincian lanjut menyusul.
- 21 Jun – Sambutan **Hari Bapa.** Perincian lanjut menyusul.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Gubahan bunga** hari ini disumbangkan oleh Jabeth Sikin.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas
Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Mei 18	2 Tim 4	Mz 124	Jum, Mei 22	Filemon 1	Mz 128
	Sel, Mei 19	Titus 1	Mz 125	Sab, Mei 23	Ibrani 1	Mz 129
	Rab, Mei 20	Titus 2	Mz 126	Ahd, Mei 24	Ibrani 2	Mz 130
	Kha, Mei 21	Titus 3	Mz 127			

'DEMIKIAN JUGA SEKARANG AKU MENGUTUS KAMU' - Yohanes 20:19-23 -
Untuk Renungan & Perbincangan:

- Kalau ada peluang, tempat mana di dunia ini yang anda ingin pergi?
- Yesus mengutus murid-murid-Nya, "*Sama seperti Bapa mengutus Aku,*" (ay. 21). Bagaimanakah Allah Bapa mengutus Yesus? Dalam cara apakah para murid diutus? Bagaimanakah kita diutus pada hari ini? Kepada siapa? Apakah misi kita? Apakah mesej kita?
- Ayat 23 telah difahami dalam pelbagai cara. Ia boleh difahami sebagai: "*Jika Injil diberitakan, hati yang mendengar berpeluang menemukan pengampunan; tetapi jika Injil didiamkan, ramai mungkin tidak pernah mengenal kasih dan keselamatan Tuhan.*" Bagaimanakah kita boleh berkongsi khabar baik tentang Yesus pada hari ini?
- Yesus memberikan dua sumber yang sangat penting kepada murid-murid-Nya untuk melaksanakan misi mereka. Apakah dua perkara itu? Baca ayat 19, 21 dan 22. Bagaimanakah kita boleh memiliki damai sejahtera dengan Allah dan sesama manusia? Mengapakah hal ini penting sebelum kita dapat berkongsi Injil dengan orang lain?
- Apakah yang kita perlukan ketika berkongsi Injil? Bagaimanakah Roh Kudus menolong kita? Fikirkan seseorang yang boleh anda jangkau dengan kasih Allah, doakan dia, dan cubalah menunjukkan kasih itu pada minggu ini.

UNTUK DIDOAKAN

Sabah yang Kita Kasih

- Mengucap syukur atas negeri Sabah yang indah. Berdoa agar Tuhan membangkitkan banyak pemimpin yang mengasih, serta menjaga rakyat dan tanah Sabah.

Warga Emas yang Kita Kasih

- Mengucap syukur untuk semua orang tua kita; ibu-ibu, bapak-bapak, nenek dan datuk. Berdoa agar mereka dapat menikmati sukacita dalam kehidupan keluarga.

- Doakan juga bagi pasukan Warga Emas Bahasa Cina yang akan pergi melayani di Papar pada hari Sabtu depan.

Diri sendiri

- Berdoa agar kita rela dipimpin dan dikuasai oleh Roh Kudus, serta diutus untuk mengasih dan melayani keluarga serta sahabat kita.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.